

## Najib sifatkan penjawat awam kawan setia

**Putrajaya:** Mengambil contoh bait lirik lagu *Kawan Setia* dendangan Datuk DJ Dave, Datuk Seri Najib Razak menyifatkan penjawat awam sebagai 'kawan setia lagi utama' kepada kerajaan pimpinannya.

Perdana Menteri mengakui penjawat awam dekat di hatinya, malah sepanjang lebih 40 tahun terbabit dalam politik dan pentadbiran kerajaan, golongan itu banyak membantu dan mendukung kuat tugasnya.

"Penjawat awam bukan sekadar kakitangan kerajaan, malah boleh diumpamakan sebagai sahabat dan kawan setia lagi utama kepada pihak kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam Ke-16 (MAPPA XVI) di hadapan lebih 10,000 penjawat awam di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, semalam.

### Baca petikan lirik lagu

Perdana Menteri turut membacakan petikan lirik lagu *Kawan Setia* pada majlis berkenaan.

*Kawan yang setia ibarat cahaya,  
Menjadi penerang masa kegelapan,  
Dia tak tergamak biarkan engkau sendiri,  
Nasibmu pasti akan dibela.*

Sebelum mengakhiri ucapannya, Perdana Menteri turut berkongsi petikan madah Melayu lama dan kata-kata semangat serta inspirasi kepada penjawat awam yang disambut tepukan gemuruh serta sorakan hadirin.

*Buah sebakul dibawa bonda,  
Letak di para sama dikongsi,  
Walau dipukul ribut melanda,  
Kawan setia tetap di sisi.*

*Lantas,  
Marilah kita semua bersatu hati  
Kita gantung azam, semangat dan cita-cita  
yang tinggi*

*Setinggi bintang kejora di langit pagi  
Tanamkan dalam hati nubari bahawa  
Kitalah kawan setia kerajaan  
Kitalah pendukung utama negara*

*Tidak bisa mungkin kita lepaskan pada  
pembangkang yang bagai api dalam sekam  
Telunjuk kononnya lurus, namun kelingking  
berkait*

*Walau apa pun*

*Biar diasak bertubi-tubi, 'pemimpin luput di  
langit senja'*

*Takkan kita biarkan walau lumat kita di-  
giling*

*Walau hancur kita ditumbuk*

*Penjawat awam terus kita perjuangkan  
maruah dan kepentingannya*

*Kerajaan ini tetap dipertahankan!!!*

*Negara Malaysia pasti kita julang!!!*



Penjawat awam bukan sekadar kakitangan kerajaan, malah boleh diumpamakan sebagai sahabat dan kawan setia lagi utama kepada pihak kerajaan"

**Najib Razak,**  
Perdana Menteri